

TEKS UCAPAN ALUAN

YBHG. DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM

**KETUA PENGARAH
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

**SEMPENA PERASMIAN:
KOLEKSI TERPILIH KEMERDEKAAN KE 63**

**PADA 26 OGOS 2020
BERTEMPAT DI PENTAS DATARAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

SALUTASI

YBhg. Dato' dan para hadirin sekalian,

Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran semua pihak ke Majlis Perasmian Pameran Koleksi Terpilih Kemerdekaan ke 63 dan Pelancaran Acara Kibar Jalur Gemilang peringkat Jabatan Muzium Malaysia. Majlis yang diadakan pada hari ini adalah bagi merasmikan pameran yang diadakan iaitu Pameran Koleksi Terpilih Kemerdekaan ke 63 serta pelancaran Acara Kibar Jalur Gemilang anjuran Jabatan Muzium Malaysia. Pada setiap tahun, JMM akan mengadakan pameran khas bersempena dengan bulan kemerdekaan. Pada tahun ini, JMM menerusi Muzium Negara telah mengangkat tema Pameran Koleksi Terpilih bagi tatapan masyarakat. Pameran khas ini bertujuan untuk memperagakan koleksi-koleksi terpilih yang memaparkan peristiwa-peristiwa bersejarah negara pada tahun 1957 sehingga pasca kemerdekaan kepada orang ramai. Sebanyak 33 koleksi terpilih daripada Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Arkib Negara, Parlimen Malaysia dan orang perseorangan dipamerkan dalam pameran ini. Antara koleksi terpilih yang diketengahkan ialah cokmar Dewan

Rakyat dan cokmar Dewan Negara dari Parlimen Negara, koleksi peribadi YAM Tuanku Abdul Rahman Putra al-Haj dan pelbagai barangan cenderahati yang dibuat khas sempena sambutan Hari Kemerdekaan 1957. Bagi pihak JMM, saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan kerjasama yang sangat baik untuk menjayakan pameran kemerdekaan kali ini.

YBhg. Dato' dan para hadirin sekalian,

Selari dengan sambutan Bulan Kemerdekaan juga, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) turut mengambil inisiatif mengadakan pelancaran Acara Kibar Jalur Gemilang di peringkat jabatan. Pelancaran acara ini akan diadakan secara maya dengan turut sama melibatkan 19 buah muzium-muzium di bawah pengurusan JMM memandangkan sambutan Hari Kebangsaan bagi tahun ini masih di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Meskipun sambutan yang dibuat dilancarkan secara maya dan disambut dengan sederhana, impak daripada acara ini secara tidak langsung

menunjukkan makna simbolik dalam menzahirkan semangat patriotik, membangkitkan rasa cinta, kebanggaan dan kesetiaan kepada negara dalam kalangan warga JMM.

YBhg. Dato' dan para hadirin sekalian,

Saya amat berharap dengan adanya pameran dan program sebegini, kita sama-sama dapat menghayati dan menghargai kesungguhan perjuangan para pemimpin terdahulu untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajah yang kini dikenali sebagai Malaysia. Selain itu, dalam pada masa yang sama JMM dapat mempromosi dan mengangkat sejarah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu seterusnya penubuhan Malaysia kepada orang ramai. In shaa Allah, JMM akan teruskan pameran khas bersempena dengan bulan kemerdekaan ini pada masa akan datang dengan pelbagai konsep dan pengisian yang berbeza untuk menarik lebih ramai pengunjung ke muzium khususnya generasi muda agar mereka tahu dan menghargai nilai kemerdekaan negara. Untuk makluman hadirin, sehingga 24

Ogos 2020 kita telah menerima jumlah pelawat seramai 452,256 orang di semua muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia termasuklah Muzium Negara. Dan sebagaimana kita sedia maklum, bermula 16 Mac 2020 yang lalu semua muzium kita telah ditutup susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehinggalah akhirnya muzium kita kembali beroperasi semula selepas itu pada 16 Jun 2020 dengan mengikut prosedur operasi standard atau SOP yang ditetapkan.

Untuk makluman hadirin juga, sepanjang PKP JMM giat menganjurkan pelbagai program atas talian sebagai satu kaedah terbaik untuk terus menggerakkan program/aktiviti permuziuman meskipun muzium-muzium tidak dapat beroperasi seperti biasa. Malah banyak program JMM juga terpaksa ditangguhkan, namun kita akan meneruskan beberapa lagi program yang telahpun dirancang pada akhir tahun ini, iaitu;

1.	Pameran Wabak Sedunia: Epidemik, Endemik dan Pandemik	1.10.2020 – 15.11.2020
----	---	------------------------

2.	Pameran Kuasa Emas	27.10.2020 – 31.12.2020
3.	Pameran Baju Kurung: Busana Sepanjang Zaman (Muzium Tekstil Negara)	20.10.2020 – 31.12.2020
4.	Program Nostalgia Anak Kampung	November - Disember (Cuti Sekolah) 2020
5.	Program <i>Museum Night Trail</i>	

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan serta ucapan syabas dan tahniah kepada pihak penyelidik dan urus setia Pameran Hari Kemerdekaan kali ini. Mudah-mudahan pameran ini berjaya mencapai objektifnya. Namun begitu, bagi saya sendiri apa yang penting adalah perkongsian ilmu dan seterusnya dapat memberi kesedaran kepada generasi muda khususnya bahawa pembentukan jati diri yang kukuh dan semangat cintakan negara adalah bermula dengan pemahaman tentang sejarah kemerdekaan negara. Oleh itu, kesan daripada kesedaran ini berupaya mendidik generasi muda agar bijak, cecal, sentiasa berwaspada dan lebih prihatin dengan sejarah negara mereka.

Dengan itu, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi
Taufik Wal Hidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.